



Yayasan Waqaf Malaysia (1988-12/2008)

YAYASAN WAQAF MALAYSIA
ARAS 8, BLOK D, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
JALAN TUN ABDUL RAZAK, PRESINT 3
62100 PUTRAJAYA

DOKUMEN SEBUT HARGA

CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGKONFIGURASI PERALATAN KOMPUTER *ALL-IN-ONE*, KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA DAN MENAIK TARAF KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA SEDIA ADA UNTUK YAYASAN WAQAF MALAYSIA

NO. SEBUT HARGA: (S)YWM/SH/01/2022

Penyebutharga diingatkan supaya melindungi dokumen ini sepertimana yang termaktub di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972

TARIKH DIKELUARKAN	7 MAC 2022
TARIKH / MASA TUTUP	14 MAC 2022 / 12.00 TENGAH HARI

SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN / PERKHIDMATAN)

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk ditanda oleh Pembekal	Untuk ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
PEMATUHAN TEKNIKAL			
1	Borang Maklumat Pembekal <i>(perlu dilengkapkan)</i>		
2	Pematuhan kepada Spesifikasi <i>(perlu dilengkapkan)</i>		
	a. Risalah Produk <i>(jika berkaitan)</i>		
3	Jadual Pengalaman Kerja <i>(perlu dilengkapkan)</i>		
	a. Salinan Surat Setuju Terima – projek yang telah selesai <i>(jika berkaitan)</i>		
	b. Salinan Perakuan / Pengesahan Siap Kerja – projek yang telah selesai <i>(jika berkaitan)</i>		
4	Jadual Pelaksanaan <i>(perlu dilengkapkan)</i>		
PEMATUHAN KEWANGAN			
5	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia		
6	Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia Bertaraf Bumiputera		
7	Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia		
8	Surat Pelawaan Sebut Harga <i>(perlu dilengkapkan)</i>		
9	Jadual Tawaran Harga <i>(perlu dilengkapkan)</i>		
10	Surat Akuan Pembida <i>(perlu dilengkapkan)</i>		
11	Pengesahan dari Institusi Kewangan untuk tiga bulan terakhir Penyata Bank (Disember 2021, Januari 2022 & Februari 2022)		
12	Kunci Kira-kira Tahunan <i>(Untuk syarikat ROC, ini mestilah salinan yang telah diaudit)</i>		

<p style="text-align: center;">PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p>	<p style="text-align: center;">UNTUK KEGUNAAN YWM</p>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Cop Syarikat :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bil(jika ada).</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>

SYARAT-SYARAT AM DAN ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

1. SYARAT-SYARAT AM

Pembekal hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah ini apabila menyertai tawaran. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat boleh mengakibatkan tawaran tersebut tidak dipertimbangkan dan terus ditolak. Keputusan YWM adalah muktamad.

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Pembekal.

1.1. Keadaan Barang

Semua barang hendaklah tulen, baharu dan belum digunakan.

1.2. Pengenalan Barang

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

1.3. Perakuan Menyatakan Penentuan Telah Dipatuhi

Pembekal dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

1.4. Barang-Barang Setara

Pembekal boleh membuat tawaran bagi barang setara yang sesuai, dengan syarat butir-butir penuh diberi.

1.5. Barang Ex-Stok atau Barang Keluaran Malaysia

- a. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- b. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh Pembekal.

- 1.6. **Barang Dipesan Dari Luar Malaysia**
- a. Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus;
 - b. Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
 - c. Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah digantikan oleh Pembekal.
- 1.7. **Tawaran Pembekal**
Pembekal perlu menawarkan harga untuk semua item.
- 1.8. **Harga**
Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Sah laku tawaran adalah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Sebarang tuntutan kenaikan harga dalam jangkamasa sah laku tawaran tidak akan dipertimbangkan.
- 1.9. **Cukai**
Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai jika berkenaan.
- 1.10. **Insurans**
Tiada apa-apa insurans atau barang-barang dalam perjalanan daripada negeri Pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Sebut Harga
- 1.11. **Mata Wang**
Tawaran harga Sebut Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).
- 1.12. **Persetujuan Penerimaan Tawaran**
- a. YWM tidak terikat untuk menyetujui terima tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana tawaran Sebut Harga. YWM berhak untuk memilih keseluruhan atau sebahagian tawaran Sebut Harga daripada mana-mana Pembekal yang menyertai Sebut Harga ini.
 - b. YWM berhak untuk mengadakan perbincangan/rundingan lanjut dengan Pembekal yang disenarai pendek berhubung dengan terma-terma tertentu untuk tawaran yang akan disetujui terima. Hak YWM

untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat YWM menyetuju terima keputusan rundingan.

- c. YWM juga berhak untuk mengadakan bidaan di kalangan Pembekal yang disenarai pendek untuk tawaran yang akan disetuju terima.
- d. Keputusan adalah muktamad. YWM adalah tidak terikat untuk memberi apa-apa sebab ke atas mana-mana cadangan tawaran yang tidak berjaya.
- e. Tindakan tatatertib boleh diambil oleh YWM terhadap Pembekal yang menarik balik tawaran sebelum tawaran dipertimbangkan atau yang menolak tawaran setelah Surat Setuju Terima dikeluarkan oleh YWM.

1.13. **Iklan Dan Publisiti**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan YWM terlebih dahulu.

1.14. **Tafsiran**

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Pembekal bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

1.15. **Pemeriksaan**

- a. YWM sentiasa berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut;
- b. Pembekal hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki; dan
- c. Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh Pembekal.

1.16. **Penolakan Barang**

- a. Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui dalam tawaran Pembekal boleh ditolak;
- b. Apabila diminta, Pembekal hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya

sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada YWM segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu; dan

- c. Perkara 1.15(a) dan 1.15(b) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak YWM untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

1.17. Kuantiti Tawaran/Kuantiti Tambahan

Kerajaan boleh memesan kuantiti tambahan dalam tempoh kontrak dari tarikh kontrak ditandatangani dan Pembekal hendaklah membekalkannya dengan harga yang sama.

2. ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

2.1. Penyediaan Sebut Harga

- a. Pembekal hendaklah mengisi dengan lengkap cadangan tawaran termasuk dokumen sokongan dan lampiran wajib yang disenaraikan;
- b. Pembedulan dan pindaan boleh dibuat ke atas cadangan tawaran dan dikemaskini sebelum tarikh dan masa tutup pelawaan. Pembekal hanya dibenarkan menghantar SATU (1) cadangan sahaja bagi cadangan yang ditawarkan;
- c. Bagi tawaran yang memerlukan penghantaran sampel produk, Pembekal hendaklah memastikan ianya dihantar sebelum atau pada masa dan tarikh tutup; dan
- d. YWM akan membuat pemberitahuan kepada Pembekal sekiranya terdapat apa-apa notis atau pindaan berkaitan pelawaan Sebut Harga ini dalam portal rasmi YWM. Setiap notis atau pindaan yang dilakukan akan menjadi sebahagian daripada dokumen tawaran.

2.2. Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga (S)YWM/SH/01/2022. Dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga sebelum atau pada masa dan tarikh tutup;
- b. Jika Dokumen tidak diserahkan dengan tangan, Pembekal hendaklah menghantar Dokumen melalui pos sebelum atau pada masa dan tarikh tutup ke alamat:

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YAYASAN WAQAF MALAYSIA
ARAS 8, BLOK D, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
JALAN TUN ABDUL RAZAK, PRESINT 3
62100, PUTRAJAYA
u.p.: Urusetia Sebut Harga**

PERINGATAN PENTING !!

Dokumen akan dikategorikan kepada dua (2) iaitu Dokumen Teknikal dan Dokumen Kewangan. Dua (2) dokumen ini perlu di hantar menggunakan **dua (2) sampul yang berbeza dan ditandakan “TEKNIKAL” dan “KEWANGAN” pada sebelah atas kiri pada sampul dan kedua-dua sampul surat tersebut pula hendaklah dimasukkan dalam satu sampul surat yang lebih besar beserta dengan dokumen lain.** Pembekal adalah dilarang menulis, mencatatkan dan meletakkan cop nama dan tanda syarikat di dalam dokumen sokongan/lampiran yang dikemukakan. Sekiranya berbuat demikian, cadangan tawaran tidak akan dipertimbangkan dan akan ditolak.

- c. Pembekal bertanggungjawab memastikan penyerahan dokumen berjaya dibuat. YWM tidak akan bertanggungjawab terhadap kegagalan Pembekal dalam melaksanakan penyerahan dokumen. Sekiranya salah satu syarat tidak dipatuhi, maka cadangan tawaran Sebut Harga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

2.3. Perbelanjaan Penyediaan Cadangan Tawaran

Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh Pembekal sendiri.

2.4. Tempoh Sah Laku Tawaran

Tempoh sah laku tawaran adalah selama 90 hari daripada tarikh tutup Sebut Harga sebagaimana yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga. Pembekal yang telah menyerahkan cadangan tawaran tidak dibenarkan menarik diri dalam tempoh tersebut.

2.5. Pembatalan Pelawaan

YWM berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak Pembekal kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pihak Pembekal.

2.6. Pemberitahuan Penerimaan

- a. Pemberitahuan kepada Pembekal yang berjaya mendapat tawaran YWM akan dibuat melalui pengeluaran Surat Lantikan dan Surat Setuju Terima;
- b. Surat berkenaan mungkin mengandungi apa-apa syarat atau pindaan tambahan kepada syarat yang disertakan pada dokumen ini dan jika demikian, tawaran ini tidak boleh dianggap sebagai telah dipersetujui melainkan pengesahan bertulis daripada Pembekal tentang persetujuannya terhadap syarat/pindaan tambahan itu diterima; dan
- c. Apabila dipersetujui, kontrak dianggap sebagai telah dibuat antara YWM dengan Pembekal itu menurut syarat yang disertakan (termasuk syarat tambahan dan pindaan) dan tiada perjanjian atau syarat lain dianggap sebagai telah dimasukkan ke dalam kontrak ini.

2.7. Tempoh Kontrak

Dua (2) bulan seperti pecahan berikut:

- a. Tempoh bekalan AIO, Komputer Meja dan Komputer Riba selama 30 hari pertama; dan
- b. Tempoh menaiktaraf Komputer Meja dan Komputer Riba sedia ada selama 30 hari kedua

2.8. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah

- a. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009;
- b. Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam/kakitangan YWM, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat SPRM atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta SPRM 2009;
- c. Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam/kakitangan YWM dan menyenaraihitamkan Pembekal atau Pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah Akta SPRM 2009; dan
- d. Mana-mana Pembekal atau Pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini, walaupun tiada kerja dibuat atau

tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi, dan mana-mana anggota perkhidmatan awam/kakitangan YWM yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta SPRM 2009.

2.9. ***Integrity Pact Dalam Perolehan YWM***

- a. Kesemua Pembekal yang menghantar Dokumen Sebut Harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida yang mengandungi pengakuan bahawa:
 - i. Pembekal tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak; dan
 - ii. Kesemua maklumat tawaran dan lampiran yang dikemukakan adalah benar dan tepat.
- b. Sekiranya Pembekal didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok (*withhold*) atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, tawarannya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya; dan
- c. Pembekal yang berjaya dan telah dilantik secara rasmi oleh YWM juga dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa ia tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak.

DOKUMEN TEKNIKAL

BORANG MAKLUMAT PEMBEKAL

1. **Maklumat Syarikat**

- a. Nama syarikat :
- b. Alamat :
.....
.....
- c. No. Telefon : No. Faks :
- d. Emel :

2. **Maklumat Pendaftaran dengan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat oleh Kementerian Kewangan Malaysia**

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh Sah Laku dari : hingga
- c. Kod Bidang dan Keterangan :

Kod Bidang	Keterangan

3. **Maklumat Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia**

- a. No. Pendaftaran :
- b. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan
- i. Modal dibenarkan : RM
- ii. Modal dibayar : RM
- c. Perniagaan utama lain, jika ada
- i. sejak
- ii. sejak

4. **Ahli-ahli Syarikat**

a. Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

b. Kumpulan Pengurusan Tertinggi

Nama	Jawatan

c. Kumpulan Sokongan

Nama	Jawatan

JADUAL SPESIFIKASI

A. JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL KOMPUTER ALL-IN-ONE (AIO), KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA

ARAHAN KEPADA PEMBEKAL

1. Pembekal hendaklah mengisi ruangan Pematuhan (Ya/Tidak) bagi setiap keperluan spesifikasi item yang disenaraikan di bawah.
2. Pembekal hendaklah mengisi ruangan 'CADANGAN PEMBEKAL' dengan jelas dan terperinci bagi setiap item atau spesifikasi yang disenaraikan di bawah. Sekiranya tidak berkaitan, isikan 'TIADA'.
3. Pembekal tidak dibenarkan untuk mengubah atau meminda mana-mana kriteria yang ditetapkan di dalam ruangan 'KEPERLUAN SPESIFIKASI' yang ditetapkan.
4. Semua maklumat yang dibekalkan hendaklah jelas dan difahami. YWM berhak untuk menolak dan tidak mempertimbangkan cadangan Pembekal sekiranya maklumat yang diberikan didapati palsu, tidak lengkap, mengelirukan atau bercanggah dengan dokumen asal.

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
A	KOMPUTER ALL IN ONE (AIO)			
1.	Jenama & Model	Sila nyatakan jenama & model yang akan ditawarkan		
2.	Kuantiti	8 unit		
3.	Form Factor	Pembekal MESTI menawarkan Komputer ALL-IN-ONE (AIO)		
4.	Operating System	AIO yang ditawarkan MESTI dilengkapi dengan <i>pre-installed</i> Windows 10 Home (64-bits)		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
5.	Processor	AIO yang ditawarkan MESTI dilengkapi dengan <i>processor</i> minimum 10th Generation Intel® Core™ i5 Processor atau setara		
6.	Processor Speed	Minimum 2.50Ghz		
7.	Memory	AIO yang ditawarkan MESTI mempunyai minimum 8 GB RAM		
8.	Storage	AIO yang ditawarkan MESTI dilengkapi minimum 512 GB total Solid-State Drive (SSD)		
9.	Display and Graphics	AIO yang ditawarkan MESTI mempunyai:		
		a. Saiz Skrin: minimum 23 inch		
		b. <i>Backlight Technology</i> : LED		
		c. <i>Screen Mode</i> : Full HD		
		d. <i>Graphics Controller</i> : Intel® HD Graphics		
10.	Port & Connectors	AIO yang ditawarkan MESTI mempunyai minimum:		
		a. USB 2.0: 2		
		b. USB 3.1 Gen 1 Type-C: 1		
		c. USB 3.1 Gen 2 Type-C: 1		
		d. HDMI: 1		
		e. Video: 1 DisplayPort 1.2		
		f. <i>Audio</i> : <i>Audio line-out rear port (3.5mm)</i>		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
		g. <i>Network Interface: RJ-45 Port</i>		
11.	Card Reader	AIO yang ditawarkan MESTI mempunyai <i>card reader</i>		
12.	Communication	AIO yang ditawarkan MESTI mempunyai <i>Network Connection (standard) Connector RJ-45</i> Data rates supported: 10/100/1000 Mbps		
13.	Wireless LAN (WiFi)	AIO yang ditawarkan MESTI mempunyai <i>802.11ac wireless dan bluetooth</i>		
14.	Camera	AIO yang ditawarkan MESTI mempunyai minimum <i>720p HD privacy camera with integrated dual array digital microphones</i>		
15.	Audio	AIO yang ditawarkan MESTI <i>built-in speakers</i>		
16.	Keyboard dan Mouse	AIO yang ditawarkan MESTI mempunyai <i>wireless keyboard dan mouse</i>		
17.	Productivity Tools	AIO yang ditawarkan MESTI dilengkapi dengan perisian berikut:		
		a. Adobe Acrobat Reader		
		b. Microsoft office business edition lifetime		
		c. Antimalware		
18.	Warranty	AIO MESTI dilengkapi dengan <i>3 years Next Business Day (NBD) warranty for On-site support, parts and labour</i>		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
19.	Brochures & Warranty Letter	<i>Brochures & Warranty Letter</i> daripada pengeluar asal (<i>Principle</i>) MESTI disertakan		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
B Komputer Meja				
1.	Jenama & Model	Sila nyatakan jenama & model yang akan ditawarkan		
2.	Kuantiti	1 unit		
3.	Operating System	Komputer meja yang ditawarkan MESTI dilengkapi dengan <i>pre-installed</i> Windows 10 Home (64-bits) dan dipasang pada SSD		
4.	Processcor	Komputer meja yang ditawarkan MESTI dilengkapi dengan <i>processor</i> minimum 10th Generation Intel® Core™ i7 processor atau setara		
5.	Processor speed	Minimum 2.50GHz		
6.	Memory	Komputer meja yang ditawarkan MESTI mempunyai saiz memori minimum 16GB		
7.	Graphic Card	Komputer meja MESTI dilengkapi dengan minimum NVIDIA GeForce RTX 2060 atau GTX 1060 atau setara		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
8.	Audio	Komputer meja MESTI dilengkapi minimum <i>Integrated High Definition Audio</i>		
9.	Communication	Komputer meja yang ditawarkan MESTI mempunyai <i>Network Connection</i> (standard), <i>Connector RJ-45 Data rates supported: 10/100/1000 Mbps</i>		
10.	Storage Drive	Komputer meja yang ditawarkan MESTI dilengkapi minimum :		
		a. 512 GB <i>total Solid-State Drive (SSD)</i> ; dan b. 2 nd storage 2T GB HDD		
11.	Webcam	Komputer meja MESTI dilengkapi dengan minimum 720p HD <i>webcam</i>		
12.	Speaker	Komputer meja MESTI dilengkapi <i>High Quality Original Manufacture Internal/Integrated Speaker</i>		
13.	Wireless LAN	Komputer meja MESTI mempunyai mempunyai minimum 802.11ac <i>wireless</i> dan <i>bluetooth</i>		
14.	Productivity Tools	Komputer meja yang ditawarkan MESTI dilengkapi dengan perisian berikut:		
		a. Adobe Acrobat Reader;		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
		b. Microsoft office home edition lifetime; dan		
		c. Antimalware		
15.	Display	Komputer meja yang ditawarkan MESTI mempunyai saiz minimum 23 inch		
16.	Ports	Komputer meja MESTI dilengkapi dengan minimum :		
		a. USB 2.0 / 3.0 / 3.1: 6 unit		
		b. Display port: 1 unit		
		c. Network Interface: 1 unit RJ-45 port		
		d. Universal Audio/Mic Jack: 1 unit		
17.	Drive & Reader	Komputer meja MESTI dilengkapi dengan minimum 1 <i>Multi Type Original Manufacture Media Card Reader</i>		
18.	Keyboard & Mouse	Komputer meja MESTI dilengkapi 1 <i>wireless keyboard</i> dan <i>mouse</i>		
19.	BIOS Features	Komputer meja MESTI dilengkapi ciri-ciri keselamatan BIOS		
20.	Warranty	Komputer meja MESTI dilengkapi dengan 3 <i>years Next Business Day (NBD) warranty for On-site support, parts and labour</i>		
21.	Brochures & Warranty	<i>Brochures & Warranty Letter</i> daripada pengeluar asal (<i>Principle</i>) MESTI disertakan		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
C	Komputer Riba			
1.	Jenama & Model	Sila nyatakan jenama & model yang akan ditawarkan		
2.	Kuantiti	6 unit		
3.	Display	Komputer riba MESTI mempunyai saiz minimum 14.0 inch		
4.	Operating System	Komputer riba MESTI dilengkapi dengan <i>pre-installed</i> Windows 10 Home (64bits)		
5.	Processor	Komputer riba MESTI dilengkapi dengan <i>processor</i> minimum 10th Generation Intel® Core™ i5 Processor atau setara		
6.	Processor speed	Minimum 2.50Ghz		
7.	Memory	Komputer riba MESTI mempunyai minimum 8GB RAM		
8.	Graphic Card	Komputer riba MESTI mempunyai <i>Integrated High Definition Graphic Processor</i>		
9.	Audio	Komputer riba MESTI mempunyai <i>Integrated High Definition Audio</i>		
10.	Communication	Komputer riba MESTI dapat menyokong <i>Data rates supported:</i> Ethernet 10/100/1000 Mbps		
11.	Storage Drive	Komputer riba MESTI mempunyai minimum 512GB Solid-State Drive		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
12.	Webcam	Komputer riba MESTI dilengkapi 720p HD webcam		
13.	Speaker & Microphone	Komputer riba MESTI mempunyai <i>Integrated High Quality Speakers and Microphone</i>		
14.	Wireless LAN (WiFi)	Komputer riba yang ditawarkan MESTI mempunyai 802.11ac wireless dan bluetooth		
15.	Productivity Tools	Komputer riba MESTI dilengkapi dengan perisian berikut:		
		a. Adobe Acrobat Reader;		
		b. Microsoft office business edition lifetime; dan		
		c. Antimalware		
16.	Ports	Komputer riba MESTI mempunyai:		
		a. USB 3.1 Type-C: 1		
		b. USB 3.1 Gen 1: 2		
		c. HDMI 1.4b: 1		
		d. VGA: 1		
		e. RJ-45: 1		
		f. Headphone / mic combo		
17.	Drive & Reader	Komputer riba MESTI menyokong 1 <i>multi-format digital media reader</i>		

NO	ITEM	KEPERLUAN SPESIFIKASI (Baca dengan teliti keperluan di bawah)	PEMATUHAN (Ya/Tidak)	CADANGAN PEMBEKAL
18.	Keyboard	Komputer riba MESTI dilengkapi <i>Original Manufacture Keyboard with backlit</i>		
19.	Mouse	Komputer riba MESTI dilengkapi 1 <i>wireless mouse</i>		
20.	BIOS Features	Komputer riba MESTI mempunyai ciri-ciri keselamatan BIOS		
21.	Battery	Komputer riba MESTI mempunyai minimum 56Wh 4-cell Li-ion <i>battery</i>		
22.	Carrying Case	Komputer riba MESTI dilengkapi dengan <i>Business Backpack</i>		
23.	Warranty	Komputer meja MESTI dilengkapi dengan 3 <i>years Next Business Day (NBD) warranty for On-site support, parts and labour</i>		
24.	Brochures & Warranty	<i>Brochures & Warranty Letter</i> daripada pengeluar asal (<i>Principle</i>) MESTI disertakan		

B. JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL MENAIKTARAF KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA SEDIA ADA

NO. RUJUKAN	SPESIFIKASI SEDIA ADA			SPESIFIKASI NAIK TARAF		
	MEMORY	OPERATING SYSTEM	STORAGE DRIVE	MEMORY	OPERATING SYSTEM	STORAGE DRIVE
				<i>Upgrade minimum 8GB RAM</i>	<i>Pre-installed Windows 10 Home (64-bits) atau setara</i>	<i>Upgrade ke SSD. Minimum 500GB</i>
KOMPUTER MEJA						
1	3GB	Windows 7 Pentium Dual Core	HDD 500GB	Ya	Ya	Ya
2	3GB	Windows 7 Pentium Dual Core	HDD 500GB	Ya	Ya	Ya
3	4GB	Windows 10 Home Pentium (R)	SSD 250GB	Ya	Tidak	Tidak
4	4GB	Windows 11 Home Intel Core i5	SSD 250GB	Ya	Tidak	Tidak
5	4GB	Windows 10 Home Intel Core i5	HDD 1TB	Ya	Tidak	Ya

NO. RUJUKAN	SPESIFIKASI SEDIA ADA			SPESIFIKASI NAIK TARAF		
	MEMORY	OPERATING SYSTEM	STORAGE DRIVE	MEMORY	OPERATING SYSTEM	STORAGE DRIVE
				<i>Upgrade minimum 8GB RAM</i>	<i>Pre-installed Windows 10 Home (64-bits) atau setara</i>	<i>Upgrade ke SSD. Minimum 500GB</i>
6	4GB	Windows 10 Intel(R) Core(TM) i3	HDD 500GB	Ya	Tidak	Ya
7	4GB	Windows 7 Intel(R) Core(TM) i3	HDD 500GB	Ya	Ya	Ya
8	4GB	Windows 10 Home Intel Pentium(R)	HDD 500GB	Ya	Tidak	Ya
9	4GB	Windows 7 Pro Intel(R) Core(TM) i3	HDD 500GB	Ya	Ya	Ya
10	3GB	Windows 7 Pentium Dual Core	HDD 500GB	Ya	Ya	Ya
11	4GB	Windows 10 Home Intel Pentium(R)	HDD 500GB	Ya	Tidak	Ya
12	4GB	Windows 7 pro	HDD 500GB	Ya	Ya	Ya

NO. RUJUKAN	SPESIFIKASI SEDIA ADA			SPESIFIKASI NAIK TARAF		
	MEMORY	OPERATING SYSTEM	STORAGE DRIVE	MEMORY	OPERATING SYSTEM	STORAGE DRIVE
				<i>Upgrade minimum 8GB RAM</i>	<i>Pre-installed Windows 10 Home (64-bits) atau setara</i>	<i>Upgrade ke SSD. Minimum 500GB</i>
		Intel(R) Core(TM) i3				
13	4GB	Windows 10 Intel(R) Core(TM) i3	HDD 500GB	Ya	Tidak	Ya
14	4GB	Windows 10 Intel(R) Core(TM) i3	HDD 500GB	Ya	Tidak	Ya
KOMPUTER RIBA						
15	8GB	Windows 10 Intel Core i5	HDD 500GB	Tidak	Tidak	Ya
16	8GB	Windows 10 Intel Core i5	HDD 500GB	Tidak	Tidak	Ya

Nota: Kesemua Komputer Meja dan Komputer Riba PERLU dibekalkan *Warranty of Parts* selama 1 tahun

DOKUMEN TEKNIKAL

JADUAL PENGALAMAN KERJA

[Senaraikan semua kerja yang disiapkan dalam lima (5) tahun lepas]

BIL.	NAMA KONTRAK/PROJEK*	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH SIAP **	TARIKH SIAP		NAMA DAN ALAMAT MAJIKAN
				KONTRAK	SEBENAR	

Catatan: 1) *Salinan Surat Setuju Terima dan Salinan Perakuan / Pengesahan Siap Kerja hendaklah disertakan.

2) **Tempoh siap hendaklah termasuk lanjutan masa yang diluluskan.

3) Sekiranya ruang di atas tidak mencukupi, lampirkan maklumat secara berasingan.

DOKUMEN TEKNIKAL

JADUAL PELAKSANAAN

(Pembekal dikehendaki mengisikan semua aktiviti-aktiviti secara terperinci)

BIL	AKTIVITI/FASA	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8
		BULAN:				BULAN:			
1									
2									
3									
4									
5									
6									
7									

Catatan: Sekiranya ruang di atas tidak mencukupi, lampirkan maklumat secara berasingan.

DOKUMEN KEWANGAN

SALINAN SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

(sila lampirkan dokumen)

**SALINAN SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA BERTARAF
BUMIPUTERA**

(sila lampirkan dokumen)

SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

(sila lampirkan dokumen)

SURAT PELAWAAN SEBUT HARGA

*Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini*

No. Sebut Harga: (S)YWM/SH/01/2022

YAYASAN WAQAF MALAYSIA SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga

Kepada (Nama Syarikat) | Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan oleh agensi
..... | (Alamat Lengkap)
..... | **Yayasan Waqaf Malaysia**
..... | **Aras 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya**
No. Telefon:..... | **Jalan Tun Abdul Razak, 62100 Putrajaya**
No. Pendaftaran dengan Kementerian | No. Telefon: **03-8871 0800**
Kewangan: | Tarikh: **7 Mac 2022**
Kod bidang pendaftaran yang relevan |
Dengan pembelian ini: |

1. Sila beri Sebut Harga untuk bekalan barang-barang / perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat Penyerahan/Penyempurnaan **seperti yang terkandung dalam Dokumen Sebut Harga.**
 - 1.2. Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki **7 hari dari tarikh Sebut Harga diiklankan.**
 - 1.3. Arahan Pengirim **dihantar/serah ke alamat di atas.**
 - 1.4. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor Sebut Harga **(S)YWM/SH/01/2022.**
 - 1.5. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari, **14 Mac 2022.**
 - 1.6. Tempoh sahlaku Sebut Harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: Tandatangan:.....

Nama Pegawai:.....

Jawatan:.....

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Harga (RM)
Untuk diisi oleh YWM				Untuk diisi oleh Penyebutharga
1.	<p>MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGKONFIGURASI PERALATAN KOMPUTER ALL-IN-ONE, KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA DAN MENAIKTARAF KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA SEDIA ADA UNTUK YAYASAN WAQAF MALAYSIA</p> <p>Skop pembekalan seperti di Jadual Spesifikasi</p> <p>Tawaran harga secara terperinci adalah seperti di Jadual Harga</p> <p>Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan adalah mengikut Jadual Pelaksanaan</p> <p>*sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>			
			Jumlah	

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan ialah

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tarikh:

Tandatangan Penyebutharga.....

Nama :

No. K/P.....

Alamat Syarikat.....

.....

JADUAL TAWARAN HARGA

CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENGKONFIGURASI PERALATAN KOMPUTER *ALL-IN-ONE*, KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA DAN MENAIK TARAF KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA SEDIA ADA UNTUK YAYASAN WAQAF MALAYSIA

Bil	Item	Kuantiti	Tawaran Harga Seunit (RM)	Jumlah Tawaran Harga (RM)
1	Komputer <i>All-In-One</i>	8		
2	Komputer Meja	1		
3	Komputer Riba	6		
4	Menaik taraf Komputer Meja sedia ada	14		
5	Menaik taraf Komputer Riba sedia ada	2		
Jumlah tawaran harga				

Catatan:

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan bekalan/perkhidmatan yang berkaitan.

Saya bersetuju untuk menawarkan bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di atas dengan nilai harga RM..... (Ringgit Malaysia:).

Tawaran ini adalah sah bagi tempoh sah laku selama **90 hari** dari tarikh tutup Sebut Harga.

Tandatangan Penyebutharga :

Nama :

No. K/P :

Alamat Syarikat :

.....

Cop syarikat:

SURAT AKUAN PEMBIDA

CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG DAN MENKONFIGURASI PERALATAN KOMPUTER *ALL-IN-ONE*, KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA DAN MENAIK TARAF KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA SEDIA ADA UNTUK YAYASAN WAQAF MALAYSIA [(S)YWM/SH/01/2022]

Saya, nombor
K.P. yang mewakili
..... nombor pendaftaran Kementerian Kewangan
Malaysia dengan ini mengisytiharkan bahawa saya
atau mana-mana individu dalam **YAYASAN WAQAF MALAYSIA** atau mana-mana individu
lain yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana
individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~/sebut harga* seperti di atas. Bersama-
sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di
atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **YAYASAN WAQAF
MALAYSIA** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam ~~tender~~ / sebut
harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut
diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi ~~tender~~ / sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi ~~tender~~ / sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan YWM yang berkuat
kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
~~tender~~ / sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau
balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama :

No. KP :

Cop Syarikat:

*Catatan: 1) Potong mana yang tidak berkenaan

2) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SURAT PERWAKILAN KUASA

**YAYASAN WAQAF MALAYSIA
ARAS 8, BLOK D, KOMPLEKS ISLAM PUTRAJAYA
JALAN TUN ABDUL RAZAK, PRESINT 3
62100 PUTRAJAYA**

Tarikh:.....

Tuan,

PERWAKILAN KUASA MENANDATANGANI BAGI PIHAK SYARIKAT

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa saya,
nombor K.P. selaku pemilik syarikat
..... akan menandatangani sendiri semua dokumen berkaitan
dengan urusan perolehan sebut harga **CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR,
MEMASANG DAN MENGKONFIGURASI PERALATAN KOMPUTER ALL-IN-ONE,
KOMPUTER MEJA DAN KOMPUTER RIBA DAN MENAIK TARAF KOMPUTER MEJA DAN
KOMPUTER RIBA SEDIA ADA UNTUK YAYASAN WAQAF MALAYSIA
[(S)YWM/SH/01/2022] dengan YAYASAN WAQAF MALAYSIA** atau mewakillkan kuasa untuk
menandatangani bagi pihak syarikat untuk urusan perolehan tersebut iaitu:

***Nama** :
Alamat :
.....
.....
Jawatan :
No. K.P. :
No. Telefon :
Emel :

3. Sehubungan itu, dikemukakan untuk makluman/rujukan pihak tuan selanjutnya. Pihak kami akan memaklumkan kepada pihak Yayasan Waqaf Malaysia sekiranya terdapat perubahan penama bagi perkara ini secara rasmi.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....

Nama Pemilik Syarikat:

Cop syarikat:

No. KP :

Jawatan:

*Catatan: Isikan nama Pemilik Syarikat sekiranya dokumen diisi sendiri dan tidak mewakilkan kuasa kepada mana-mana pihak

PENYATA KEWANGAN

(sila lampirkan dokumen)

KUNCI KIRA-KIRA TAHUNAN

(sila lampirkan dokumen)